

Alumni UMP Turun Padang Bantu Mangsa Banjir Temerloh



Temerloh, 3 Januari - Seramai 12 orang di kalangan alumni UMP menyertai program kesukarelawanan bagi membantu mangsa banjir di sekitar Kg. Luit dan di Sekolah Kebangsaan Guai Temerloh. Mereka berpeluang bertemu dengan masyarakat Kg. Luit dalam usaha membantu membersihkan rumah, klinik dan sekolah yang dipenuhi lumpur akibat bencana banjir yang melanda daerah ini baru-baru ini.

Sukarelawan yang terdiri daripada alumni pelbagai fakulti ini sanggup meluangkan masa selama tiga hari dalam menjayakan misi kesukarelawan untuk membersihkan lokasi tersebut.

Menurut Siti Nor Maziah Ehsan, 31 yang mengetuai misi ini berkata, pihaknya terpanggil untuk membantu meringatkan beban penduduk yang ditimpa bencana sekaligus menyampaikan sumbangan yang dikutip daripada alumni untuk diserahkan kepada mangsa.

"Sebagai persediaan, kami telah membawa peralatan membersihkan rumah bagi memudahkan kerja pembersihan menggunakan peralatan cucian yang disediakan melalui penyelaras JK Bencana Peringkat Universiti di Bilik Gerakan Banjir UMP.

"Sejurus mengetahui mengenai bencana ini, kami berkumpul dan menyediakan keperluan dan sumbangan bagi untuk membantu penduduk kampung yang menjadi mangsa banjir.

"Berdasarkan pengalaman saya, bantuan kerja sukarela perlu kerana apabila mereka pulang ke rumah selepas banjir pulih, mereka bantu untuk membersihkannya kerana keadaan rumah teruk dengan lumpur dan sampah sarap,"



katanya

Manakala menurut seorang sukarelawan, Hanafi Hashim, 30, yang kini berkhidmat di Sabah berkata, jarak yang jauh tidak menghalangnya untuk sama-sama menyertai aktiviti kesukarelawan ini.

Katanya, beliau amat tersentuh melihat keadaan mangsa banjir ini apabila rumah yang penuh dengan lumpur dan sampah sarap dan apa yang menyediakan juga peralatan barang elektrik juga turut rosak.

Tugas kumpulannya lebih memberi tumpuan terhadap kepada pembersihan tempat tinggal, sekolah dan klinik tersebut. Katanya, memandangkan komitmennya yang bertugas di sabah, sekiranya ada masa terluang nanti masih ingin menyertai aktiviti kesukarelawan ini.

Kumpulan alumni ini merupakan salah satu kumpulan daripada 1200 orang penyertaan di kalangan warga UMP yang melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawan banjir akibat bencana yang menimpa di beberapa negeri di pantai Timur.



Disediakan Unit Perhubungan Awam, Bahagian Komunikasi Korporat PNC

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 12-01-2015, 16:43:43